

## **KECAKNAAN TUAN GURU HAJI DAUD BUKIT ABAL TERHADAP UGAMA ISLAM MELALUI KITABNYA RISALAH AL-‘AQID WAL FAWAID**

Khairatul Akmar Ab Latif  
Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
*khairatulakmar@kuis.edu.my*

Norfazila Ab Hamid  
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan  
Pusat Pengajian Teras  
*norfazila@kuis.edu.my*

Riduan Makhtar  
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan  
Pusat Pengajian Teras  
*riduan@kuis.edu.my*

### **ABSTRAK**

Penulisan ini ingin memperlihatkan kecaknaan Tuan Guru Haji Daud Bukit Abal, Kelantan terhadap pengamalan ugama Islam penduduk setempat melalui karangan beliau yang masyhur iaitu risalah ‘Aqid wal fawaid. Risalah yang mengandungi 151 muka surat membincangkan 10 tajuk penting bermula dengan bidang ‘aqidah yang dipegangi oleh masyarakat Melayu, amalan ibadah solat serta wirid-wirid di dalam solat, wirid amalan thoriqah tasauf serta bacaan doa ketika sakit dan sebagainya yang biasa dilakukan di dalam amalan harian masyarakat. Disebabkan beliau adalah seorang guru tasauf, maka kita dapat lihat di dalam risalah tersebut banyak penekanan beliau adalah ke arah pembersihan jiwa dengan dimulai dengan perbincangan I’tiqad, penghayatan solat serta bacaan wirid tasauf harian bagi pembersihan jiwa terutama bagi ikhwan thoriqah Ahmadiyah di Kelantan. Perkara yang lebih penting kita dapati tentang kecaknaan Tn. Guru Haji Daud ini bukan sahaja melalui pengajaran beliau berkaitan ugama di pondok beliau bahkan pengukuhan ilmu yang diajar dengan cara pengamalan wirid-wirid tasauf yang diijazahkan kepada murid-murid beliau. Wirid ini turut dimasukkan ke dalam risalah ini dengan lengkap bacaannya beserta makna bacaan tersebut. Manakala praktikal bagi amalan dan bacaan wirid ini dilakukan bersama guru beserta murid sebagai panduan bagi didikan dan pentarbiahan jasad dan ruh.

**Kata Kunci:** Tuan Guru Haji Daud Bukit Abal, ugama Islam, risalah ‘aqaid wal fawaid.

## **Pengenalan**

Menurut Salleh Mohd Akib (2016), Negeri Kelantan terletak di timur laut Semenanjung Tanah Melayu – Malaysia antara garis lintang 4.30U hingga 6.30U dan garis bujur 102.20T dan 102.40 T. Keluasan negeri Kelantan 15,022 kilometer persegi (JP: 2001). Asal usul nama Pasir Puteh dikenali sebagai “Pengkalan Limbungan” iaitu tempat membuat perahu termasuk perahu layer. Di dalam Jajahan Pasir Putih terdapat beberapa daerah iaitu daerah Limbongan, Bukit Jawa, Bukit Abal, Jeram, Padang Pak Amat, Semerak, Gong Datuk, dan Bukit Awang. Menurut Abdul Razak Mahmud (2015), Sehingga tahun 2010, negeri Kelantan terbahagi kepada 11 buah jajahan dan 65 buah daerah. Setiap jajahan diketuai oleh seorang penggawa. Adalah tidak dikatakan janggal bahawa negeri Kelantan juga dikenali sebagai negeri Serambi Makkah.

Tn. Guru Haji Daud Al-Libadi (berasal dari perkataan Kg. Limbat) adalah individu yang tidak asing lagi di Kelantan dan di seluruh negara. Tuan Guru merupakan antara peneraju serta guru bagi thoriqah Ahmadiyah yang berpusat di Kampung bukit Abal, Pasir Puteh, Kelantan. Asalnya, pengamalan thoriqah di negeri ini agak tersembunyi dan biasanya diamalkan secara sendiri-sendiri tanpa tersebar luas, akan tetapi sejak Tuan Guru Haji Daud memperkenalkan thoriqah Ahmadiyah ini, segala amalan berkait dengan thoriqah Ahmadiyah dibuka kepada orang ramai secara terang-terangan tanpa berselindung lagi. Amalan khusus terutama zikir-zikir khusus bagi thoriqah ahmadiyah ini dibuat secara berjemaah pada waktu pagi dan petang, manakala zikir halaqah, majlis hol dibuat secara umum dan dibuka kepada orang ramai untuk disertai. Di sinilah bermulanya perkembangan pengaruh thoriqah ahmadiyah di bawah pimpinan Tn. Guru Hj. Daud yang mendedahkan amalan thoriqah ini kepada orang ramai terutama melalui kuliah umum beliau pada setiap pagi Jumaat, setiapa minggu di masjid beliau di Kg. bukit Abal, Pasir Puteh, Kelantan.

## **Ringkasan Sejarah Tuan Guru Hj. Daud Bukit Abal**

Haji Daud Shamsuddin bin Haji Omar al-Libadi atau lebih dikenali sebagai Haji Daud Bukit Abal merupakan syeikh tarekat Ahmadiyah terpenting di rantau ini selepas generasi Mufti Haji Wan Musa/Sidi Muhammad al-Azhari/Syeikh Mohd Said Linggi. Beliau merupakan adik kandung Tuan Guru Haji Mat Limbat/Gong Kemudu.

Haji Daud Shamsuddin bin Haji Omar al-Libadi dilahir di Kg. Kerasak, Limbat, Kota Bharu sekitar 1903. Ibunya, Wan Halimah bt. Hj. Ismail ialah adik kepada Tuan Guru Haji Wan Ahmad bin Haji Ismail (lebih terkenal dengan panggilan Haji Awang Limbat). Manakala bapanya, Haji Omar bin Haji Taib berasal dari Kg. Mentera, Bukit Marak.

Antara guru-guru awalnya, Haji Awang Limbat, Haji Sulaiman Kubang Kachang, Tok Kenali, Tok Seridik, Haji Omar Sungai Keladi, Haji Nik Abdullah Khatib, Yaakub Legor dan Tok Khurasan.

Di kota Makkah pula, antara lain beliau mendalami pengajiannya dengan Syiekh Omar Hamdan, Syiekh Mohd Ali al-Maliki, Syeikh Hasan al-Masyat, Syeikh Hasan al-Yamani, Syeikh Muhammad al-Azhari Syeikh Mohd. Penama akhir inilah yang banyak mencurahkan amalan tarekat Ahmadiyah (termasuk ilmu Ihsanudin) kepadanya. Banyak penulisan yang berpendapat bahawa Tok Syafie Kedah adalah antara guru beliau di dalam thoriqah dengan alasan yang meyakini bahawa ramai pelajar melayu belajar tasauf dengan Tok Syafie, Kedah semasa di Makkah. Akan tetapi alasan ini tidak boleh diguna kerana terdapat beberapa percanggahan pendapat Tn Guru Hj Daud tentang permasalahan tasauf dengan Tok Syafie Kedah sendiri. Pendapat ini juga disokong oleh kenyataan anak beliau sendiri iaitu Tn Guru Hj wan Ahmad

Mubarak dan beberapa murid beliau yang masih ada ketika ini antaranya ustaz Asri (Rantau Panjang).

Peringkat awalnya kurang mendapat sambutan-mungkin kerana namanya belum terserlah. Hanya selepas 1968 barulah majlis ilmunya mendapat perhatian ramai. Kupasan ilmu usuludin, furu'uddin (fiqh 4 mazhab) dan ihsanuddin yang menjurus kepada pengamalan zikir terekat kemudiannya terbukti sangat popular. Untuk kemudahan murid-muridnya beliau mengulang cetak karyanya sendiri, iaitu Risalat al-Aqaid wa al-Fawaid (cetakan pertama 1965), dan pada awal 1970-an diedarkan pula stensilan Risalat al-Tasawuf yang sempat disusun setakat 8 siri sahaja kerana masalah kesihatannya.

Tuan Guru Haji Daud meninggal dunia di Bukit Abal ketika pondoknya sedang berkembang maju, iaitu pada pukul 2 petang Ahad 1 Safar 1396 bersamaan 1 Februari 1976. Warisan ilmunya kini disebarikan pula oleh tokoh-tokoh seperti tuan Guru haji Ghazali Tunjong, Pak Da Awang Kampung Pek, Ustaz Mustafa Muhammad al-Ahmadi (pengarang buku Mengenal Diri dan Wali Allah yang sangat popular itu), Ustaz Wan Hasan Bukit Tanah (ahli Jemaah Ulama MAIK), Drs Abdul Rahman haji Ahmad (Timbalan Ketua Pengelola Dakwah Halaqat Negeri Kelantan) dan Prof Dr. hamdan Hassan (Universiti Brunei Darussalam).

### **Risalah 'Aqaid Al-Fawaid**

Risalah ini adalah ditulis hasil daripada penjelajahan Tn. Guru Hj. Daud ketika mengajar orang ramai di kampung-kampung mengenai ugama Islam. Tn Guru memasukkan di dalam risalah yang kecil ini perkara-perkara asas yang berkaitan dengan ilmu Usuluddin, Fekah dan Tasauf serta pengamalan-pengalaman ugama yang rutin yang dilakukan oleh masyarakat. Perbincangan perkara-perkara tersebut telah dihimpunkan dengan baik sehingga memenuhi 151 bilangan muka surat termasuk susunah isi kandungan kitab.

Perkara pertama ditekankan dalam kitab ini adalah perkara yang berkait dengan usul aqidah. Tn Guru Hj. Daud memulakan kitab beliau dengan membicarakan sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah Taala. Disamping itu Tn Guru juga turut menyatakan sifat-sifat mungkin atau makhluk dengan lebih luas. Perbincangan berkait dengan sifat-sifat Allah dan sifat makhluk memenuhi hampir 7 muka surat di dalam kitab ini. Kemudian Tn Guru menyambung lagi perbincangan berkait dengan sifat-sifat Rasul daripada sifat wajib, mustahil dan harus bagi para Rasul serta nama-nama para Rasul yang wajib diketahui oleh setiap mukallaf.

Pengenalan khusus terhadap Rasulullah SAW telah ditulis secara lebih terperinci selepas itu dengan dinyatakan asal usul keturunan Rasulullah SAW serta kedudukan syariat yang dibawa olehnya kekal sehingga kiamat.

Begitu juga turut disebutkan anak-anak serta nama para sahabat Baginda serta beberapa mukjizat yang berlaku ke atas Baginda. Turut sama juga disebutkan beberapa nama kitab yang wajib kita imaninya serta nama-nama para malaikat.

Perbincangan mengenai permasalahan aqidah dan perkara-perkara i'tiqad ini berlanjutan dengan lebih terperinci dengan memenuhi hampir separuh daripada bilangan kitab kecil ini iaitu sehingga muka surat 66 dengan terdapat beberapa fasal kecil bagi setiap pembahagian perbincangan.

Perkara kedua yang ditekankan oleh Tn Guru Hj Daud dalam kitab ini adalah berkait dengan praktikal amalan islam terutama solat serta bacaan-bacaan pada setiap pergerakan di dalamnya. Setiap bacaan di dalam solat ini disertakan dengan makna dan ia bermula dari seawal takbiratul ihram, doa iftitah, bacaan surah al-fatihah, bacaan dalam ruku', i'tidal, qunut panjang dan pendek, bacaan semasa sujud dan tahiyah, doa sebelum salam serta bacaan salam.

Turut disertakan juga bacaan wiri-wirid selepas solat beserta dengan maknanya kemudia bacaan doa selepas solat yang ditulis di dalam Bahasa melayu.

Pada bahagian seterusnya yang dinukilkan dalam kitab ini adalah berkaitan dengan bacaan-bacaan wirid pendek yang disarankan amalannya, mudah serta berganda pahalanya yang dikhaskan bagi mereka yang dhaif tetapi berkeinginan untuk mendapatkan ganjarannya yg amat besar. Bacaan wirid beserta dengan terjemahannya ini dimulakan dengan Fatihatul Aurad (pembuka bacaan wirid) yang kemudiannya diikuti oleh bacaan selawat serta istighfar khusus yang biasanya diamalkan oleh para ikhwan thoriqah Ahmadiyah. Terdapat juga di sini dimasukkan beberapa bacaan selawat lain yang mempunyai kebesaran dan ketinggian kadarnya, bacaan tasbih, tahmid, tahlil dan takbir turut dihipunkan sebagai amalan bacaan harian di dalam kitab ini.

Terdapat juga di sini bacaan taubat di dalam Bahasa melayu serta bacaan istighfar beramai-ramai yang turut dimuatkan sebelum daripada bacaan penutup bacaan wirid dan tasbih penutup amalan. Dan pada bahagian akhir sekali pada kitab ini ditulis bacaan doa ketika mandi yang diambil daripada sisi Ahmad bin Idris iaitu pengasas bagi thoriqah Ahmadiyah, bacaan syahadah selepas mengambil wuduk, doa selepas azan dan iqamah dan bacaan-bacaan wirid yang diamalkan oleh sisi syeikh al-Azhari yan dinamakan sebagai masabbaah al-azhariyyah iaitu guru kepada Tn guru Hj Daud sendiri serta bacaan wirid pagi petang bagi ikhwan thoriqah Ahmadiyah, Bukit Abal.

Manakala bacaan yang terakhir dimuatkan di dalam kitab ini adalah bacaan semasa sakit dan demam yang mengandungi 9 (sembilan) jenis bacaan ayat suci al-Quran serta bacaan doa serta kelebihan bagi setiap bacaan tersebut. Dan akhirnya kitab ini diakhirkan dengan bacaan Asmaul Husna beserta doa khas daripada pengasas thoriqah Ahmadiyah iaitu sisi Ahmad bin Idris.

## **Penutup**

Kita dapati di dalam kitab ini beberapa perkara iaitu bermula dengan perkara aqidah sehinggalah kepada amalan doa-doa harian yang biasanya diamalkan oleh awam muslimin. Daripada mula perbincangan di dalam kitab ini, semuanya adalah merupakan amalan yang ringan dan tidak memberatkan pengamal amalan tersebut apatah lagi apabila Tn Guru amat memahamii tentang pekerjaan harian yang dilakukan oleh penduduk kampong yang terdiri daripada petani dan pekebun kecil.

Kehidupan mereka yang ringkas dan serba sederhana membolehkan mereka mengamalkan amalan-amalan yang mudah yang disusun atur oleh Tn Guru untuk bekalan mereka pula di akhirat. Walaupun hampir 43 tahun Tn Guru Hj Daud meninggal dunia, kitab ini masih lagi diajar di pondok beliau di Kg. Bukit Abal , Pasir Puteh, Kelantan oleh anak beliau iaitu Tn Guru Haji Wan Ahmad Mubarak pada pagi hari Jumaat setiap minggu.

## **Rujukan**

- Abdul Razak Mahmud. 2015. *Ikhtisar Sejarah Kelantan*. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.  
Risalah ‘Aqid Wal Fawaid.  
Salleh Mohd Akib. 2016. *Sejarah Jajahan Negeri Kelantan*. Percetakan Seasons Sdn. Bhd: Kuala Lumpur.